

KENYATAAN SYARIKAT MENGENAI KEMUNGKINAN PENCEMARAN AIR DI SEPANJANG SUNGAI PULOH

Northport (Malaysia) Bhd ("Northport") sedar akan kebimbangan yang dibangkitkan baru-baru ini mengenai kemungkinan pencemaran Sungai Puloh, yang terletak berhampiran dengan kawasan kami.

Kami mengambil serius akan kebimbangan ini dan ingin memberi jaminan kepada masyarakat setempat bahawa kami komited sepenuhnya untuk menyasat perkara itu. Kami sedang bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan, agensi alam sekitar, pihak berkepentingan tempatan, serta melibatkan pakar untuk mendapatkan pandangan yang tidak berat sebelah tentang kejadian itu.

Kami akan mengambil tindakan segera bagi menangani perkara ini kerana kami memahami kepentingan sungai ini untuk ekosistem tempatan, hidupan liar dan masyarakat setempat secara keseluruhannya.

Memandangkan siasatan sedang dijalankan, kami menyeru semua pihak untuk mengelak daripada membuat sebarang kenyataan berbentuk spekulatif, tidak bertanggungjawab dan tidak tepat.

Untuk maklumat lanjut atau jika ada sebarang pertanyaan, sila hubungi En. Azmi Anis di talian 012-3207755 atau e-mel ke azmi@northport.com.my.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh:

**Jabatan Komunikasi Korporat
Northport (Malaysia) Bhd**

Jumaat, 9 Jun 2023
3.30 petang